



TENIS

1.0 PERATURAN PERMAINAN

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Sukan Antara Kolej (SUKOL) Universiti Teknologi MARA.
- 1.2 Kecuali apa yang tersebut di dalam peraturan yang menguasai pertandingan ini, maka Undang-undang Persekutuan Tennis Antarabangsa hendaklah diikuti.

2.0 KELAYAKAN PEMAIN

- 2.1 Pelajar sepenuh masa di Universiti Teknologi MARA Shah Alam semasa pertandingan dijalankan.
- 2.2 Pelajar yang telah membuat validasi Sesi Akademik semasa pertandingan dijalankan.

3.0 PENDAFTARAN PEMAIN

- 3.1 Perkara 4.0. dalam Peraturan Am di rujuk.
- 3.2 Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar 2 pemain perseorangan dan 1 beregu.
- 3.3 Seorang pemain hanya di benarkan bermain dalam satu acara sahaja.
- 3.4 Pemain yang tidak disenaraikan namanya di dalam Borang Pendaftaran tidak dibenarkan mengambil bahagian.

4.0 FORMAT PERTANDINGAN

- 4.1 Pertandingan adalah secara individu perseorangan dan beregu.
- 4.2 Pertandingan adalah secara kalah mati bagi kategori perseorangan.
- 4.3 Pertandingan adalah secara liga bagi kategori beregu.
- 4.4 **Tiada pertukaran pemain selepas jadual perlawanan dikeluarkan atau semasa hari perlawanan.**
- 4.5 **Pusingan awal sehingga suku akhir akan menggunakan format first to reach eight. Separuh akhir dan akhir akan menggunakan format Two plus one.**

5.0 PAKAIAN

- 5.1 Setiap pemain dikehendaki memakai baju sukan yang bersesuaian dan mengikut sahsiah rupa diri.
- 5.2 Pemain tidak dibenarkan memakai seluar/skirt pendek bagi pemain wanita.

6.0 PERALATAN

- 6.1 Pihak pengelola akan menyediakan kelengkapan sukan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Sukan Antara Kolej (SUKOL)

7.0 KELEWATAN

- 7.1 Masa selama 10 minit diberikan kepada pemain yang lewat dan sekiranya pemain gagal menghadirkan diri pada masa yang ditetapkan / perlawanan, kemenangan akan diberikan kepada pihak lawan (8-0).

8.0 MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

- 8.1 Setiap pemain / atlet hendaklah menghabiskan setiap pertandingan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan. Jika tidak pemain/atlet tersebut boleh disingkirkan daripada pertandingan ini.

9.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Sukan Antara Kolej (SUKOL) Universiti Teknologi MARA dan keputusannya adalah muktamad.